KATA KERJA *SEMELFACTIVES* DALAM BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS *AKTIONSART*

MUGHNI MURNI BUSTAMAM & MASLIDA YUSOF
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang terdapat dalam kata kerja *semelfactives* serta mengelaskan kata kerja *semelfactives* yang terdapat dalam bahasa Melayu. *Semelfactives* merupakan lakuan yang boleh berulang-ulang dan tidak mempunyai perubahan keadaan, oleh sebab itu ianya tidak mempunyai titik penamat. Namun begitu, terdapat banyak persoalan yang timbul dari kata kerja *semelfactives* ini. Hal ini kerana, Susan (2004) berpendapat *semelfactives* mempunyai titik penamat. Penelitian terhadap kata kerja *semelfactives* akan berdasarkan teori *Role and Reference Grammar* oleh Van Valin (2005) dan pendekatan Susan Rothstein (2004). Dalam teori *Role and Reference Grammar (RRG)* fitur bagi kata kerja *semelfactives* ialah [- titik penamat] [+ tepat masa] manakala pendekatan digunakan oleh Susan Rothstein (2004) ialah [+titik penamat] [- tepat masa] yang bermakna *semelfactives* mempunyai titik penamat, boleh muncul dengan sesuatu peristiwa yang belum selesai *(imperfective paradox*), merupakan peristiwa tunggal, mempunyai *interval predicates* yang muncul dalam progresif dan boleh muncul dalam peristiwa lanjutan iaitu ianya seakan-akan aktiviti. Kertas kerja ini juga mencadangkan bahawa kata kerja *semelfactives* terbahagi kepada dua iaitu kata kerja *semelfactives* asli dan penggunaan kata kerja *semelfactives* dalam kata kerja aktiviti bahasa Melayu. Berdasarkan gabungan teori *Role and Reference Grammar* oleh Van Valin (2005) dan pendekatan Susan Rothstein (2004) ini, kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu dikaji. Data kajian ini diperoleh daripada data korpus bahasa Melayu.

Kata Kunci: kata kerja *semelfactives*, teori *Role and Reference Grammar,* analisis *aktionsart*

ABSTRACT

The purpose of this article is to solve the problems and issues in semelfactive verbs and also to classify semelfactive verbs in Malay. Semelfactives are repetitive events which have no result state. This situation make semelfactives are atelic. The discussion of the semelfactives will based on Role and Reference Grammar Theory by Van Valin (2005) and approach by Susan (2004). In Role and Reference Grammar, features of semelfactive verbs are [- telic] and [+punctual] meanwhile Rosthein (2004) considers semelfactives as [+telic] and [- punctual]. This consideration means that semelfactive verbs is telic, imperfectives paradox, single event, interval predicates and it can be like an activity verbs. This article also suggest semelfactives can be divided into two categories namely natural semelfactives and semelfatives use in activities verbs. The data are amassed from Malay corpus.

***Key Words**: semelfactive verbs, Role and Reference Grammar Theory, aktionsart analysis*

Pengenalan

Pengklasifikasan predikat berdasarkan kelas Aktionsart iaitu kelas yang berdasarkan ciri aspek semulajadi *(inherent aspectual properties)* (Van Valin, 1993). Dalam *Role and Reference Grammar* analisis semantik predikat dibincangkan dalam klasifikasi Aktionsart (Maslida, 2005). *Role and Reference Grammar* telah mengambil dan mengadaptasi sistem dekomposisi leksikal *(decomposition lexical)* yang dicadangkan oleh Dowty (1979) yang berasaskan kepada penggolongan kata kerja Vendler pada tahun (1967) yang menegaskan kepentingan kala sebagai ruang konseptualisasi bagi kata kerja. Sama ada sesuatu perbuatan itu cepat atau lambat yang pastinya perkara itu memiliki tempoh masa operasi (Jyh Wee Sew, 1999). Oleh itu, Vendler telah menetapkan empat kata kerja berdasarkan contoh bahasa Inggeris. Pecahan kata kerja tersebut ialah kata kerja keadaan (*states)*, kata kerja aktiviti *(activity*), kata kerja penyelesaian (*accomplishment*) dan kata kerja pencapaian (*achivement*). Walaupun klasifikasi yang dibuat ini adalah untuk kata kerja bahasa Inggeris namun penyelidikan terhadap bahasa-bahasa lain telah menunjukkan bahawa perbezaan ini berpusat kepada organisasi sistem kata kerja secara universal (Byong-Seon Yang, 1994).

Kata kerja keadaan merupakan situasi statik yang mengandungi aktiviti. Pencapaian adalah perubahan tepat masa bagi keadaan yang mempunyai titik penamat. Penyempurnaan pula adalah perubahan keadaan yang tidak tepat masa yang mempunyai titik penamat. Manakala aktiviti melibatkan peserta melakukan sesuatu dan tidak mempunyai titik penamat yang jelas (Maslida, 2005). Dua kelas kata kerja baru dicadangkan oleh Van Valin (2005) iaitu kata kerja aktif penyempurnaan dan kata kerja *semelfactives* untuk dimasukkan di dalam teori *Role and Reference Grammar* (RRG). Kelas aktionsart memberi perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja iaitu keterbatasan/*boundeness* (±*telic)*, jangkamasa/*duratives* (±ketepatan masa) dan kedinamikan (±statik). *Telic* boleh dihuraikan sebagai kecenderungan kepada penamat/pengakihran yang jelas, pasti, dan tepat. Untuk kajian ini, penulis menggunakan istilah ’titik penamat’ sebagai terjemahan kepada istilah *telic*. Ringkasan bagi ciri-ciri ini adalah seperti berikut :

a) Keadaan :[+ statik], [- dinamik],[-titik penamat],[-ketepatan masa]
b) Pencapaian: [-statik],[- dinamik],[+titik penamat],[+ketepatan masa]
c) Penyempurnaan: [-statik], [-dinamik],[-titik penamat], [-ketepatan masa]
d) *Semelfactives*: [-statik], [±dinamik],[-titik penamat],[+ketepatan masa]
e) Aktiviti : [-statik], [+dinamik], [-titik penamat],[-ketepatan masa]
f) Aktif Penyempurnaan: [-statik][+dinamik],[titik penamat],[-ketepatan masa]

Di Malaysia, kajian yang membincangkan mengenai pengelasan kata kerja berdasarkan Aktionsart pernah dilakukan oleh Jew wee sew (1999) dan Maslida Yusof (2005 sehingga kini). Kajian Jew (1999), hanya membincangkan empat kata kerja sahaja iaitu keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan manakala Maslida (2005) ada membincangkan keenam-enam kata kerja tersebut iaitu kata kerja keadaan, aktiviti, pencapaian, penyempurnaan, *semelfactives* dan aktif penyempurnaan. Namun kata kerja *semelfactives* tidak diberi tumpuan khusus. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu.

Kata Kerja *Semelfactives*

Kajian Maslida (2005), ada memberikan contoh kata kerja *semelfactives* seperti *batuk* namun beliau tidak menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai ciri kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu. Terdapat juga beberapa contoh kata kerja *semelfactives* yang agak mengelirukan contohnya dalam kajian Maslida (2009), menyatakan bahawa kata kerja *lompat* adalah aktiviti. Bagi Jew Wee Sew (1999) pula menyatakan lompat adalah kata kerja pencapaian. Dalam bahasa Inggeris kata kerja *lompat (jump)* dianggap kata kerja *semelfactives*. Kata kerja *semelfactives* juga menjadi rumit apabila terdapat kata kerja *semelfactives* yang menunjukkan perubahan tempat contohnya *: Ahmad melompat ke pagar sebelah.* Berdasarkan kekaburan kata kerja ini didapati terdapat kekaburan mengenai kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu. Selain itu terdapat percanggahan pendapat mengenai ciri kata kerja *semelfactives* dan kata kerja pencapaian. Berikut merupakan percanggahan pendapat Smith (1999) dan Susan (2004) :

> *' Semelfactives are single –stage events which are dynamic, instantaneous and atelic and do not result in a change of state''*
>
> *(Smith, 1991)*

' Semelfactives as atelic achivement can't be right'

(Susan, 2004)

Contoh yang diberi oleh Smith (1991) ialah seperti berikut :

a. The light flashed

b. Chris coughed

c. The tree branch tapped on the window

d. Dana glimpsed Kim

Namun begitu, ciri pencapaian dan ciri *semelfactives* kadang-kadang seakan-akan sama. Hal ini kerana, Smith (1991) menyatakan bahawa *semelfactive*s adalah pencapaian yang tidak mempunyai titik penamat. Smith juga menyatakan bahawa pencapaian adalah sesuatu peristiwa yang mempunyai satu perubahan keadaan manakala *semelfactives* adalah sesuatu keadaan yang tidak mempunyai perubahan keadaan. Kenyataan Smith (1991) disangkal oleh Susan (2004), Smith menyatakan ciri *semelfactives* adalah pencapaian yang tidak mempunyai titik penamat. Susan menyatakan kenyataan Smith itu adalah tidak benar. Hal ini kerana, pencapaian ialah sesuatu keadaan yang tidak mempunyai banyak masa dan ianya begitu asli iaitu sangat segera dan berbeza dengan *semelfactives* yang mempunyai jeda masa *(interval predicates)* yang dapat dilihat melalui penggunaan progresif. Oleh itu, kenyataan yang dikatakan oleh Smith iaitu *semelfactives* mempunyai struktur yang sama seperti pencapaian tidak boleh diterima. Hal ini kerana, *semelfactives* adalah sesuatu kata kerja yang mempunyai [+titik penamat], boleh muncul dengan sesuatu peristiwa yang mempunyai gangguan *(imperfective paradox*), merupakan peristiwa tunggal, boleh muncul dengan progresif (ketika dan sedang) dan boleh muncul dalam peristiwa lanjutan iaitu ianya seakan-akan aktiviti (Susan, 2004).

Berdasarkan kepada kajian Van Valin (2005) dalam kerangka teori *Role and Reference Grammar* menyatakan *semelfactives* mempunyai fitur [-statik] [±dinamik], [-titik penamat] dan [+ketepatan masa] manakala menurut Susan (2004) pula *semelfactives* mempunyai [+titik penamat] dan [-ketepatan masa]. Kedua-duanya berbeza dengan hujahan masing-masing. Van Valin (2005) menyatakan *semelfactives* tidak mempunyai titik penamat kerana tidak berlaku perubahan keadaan manakala Susan menyatakan bahawa *semelfactives* mempunyai titik penamat

kerana boleh muncul dalam *modifier* dalam **α** masa contohnya *John jumped in three seconds* (John melompat dalam masa tiga saat). Selain itu, kata kerja *semelfactives* mempunyai gangguan *(imperfectives paradox)* contohnya *John was just jumping the door when i came in. Semelfactives* tidak boleh dikatakan sebagai sesuatu kata kerja yang sangat segera kerana ia mempunyai jeda masa *(interval predicates)* yang muncul dalam progresif. Hal ini kerana, *semelfactives* mempunyai struktur *trajectories* yang meliputi laluan pergerakan kata kerja contohnya menendang pintu melibatkan menaikkan kaki dan menurunkan kaki semasa menendang pintu. Rajah 4 menunjukkan gambaran mengenai pendekatan yang digunakan oleh Susan (2004) dan teori yang digunakan oleh Van Valin (2005) dalam mengklasifikasikan kata kerja *semelfactives* :

KATA KERJA *SEMELFACTIVES*	**[±TITIK PENAMAT]**	**[±TEPAT MASA]**
Van Valin (2005)	-	+
Susan (2004)	+	-

Rajah 1: Pendekatan Susan Dan Teori Van Valin Yang Berbeza

Justeru itu, aspek kekaburan dalam mengelaskan kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu perlu dibincangkan supaya penyelesaian terhadap masalah ini dapat diselesaikan dengan jelas dan tepat berdasarkan teori dan pendekatan ini. Walaupun pandangan dan huraian Van Valin (2005) dan Susan (2004) berbeza dari segi temporal masa titik penamat dan tepat masa, maka kajian yang dilakukan akan menyelesaikan pencanggahan pendapat ini dengan menggunakan acuan dalam bahasa Melayu. Selain itu, lakuan semantik dan sintaksis kata kerja *semelfactives* akan dibincangkan serta beberapa kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu juga turut dikaji berdasarkan kepada ciri-ciri kata kerja *semelfactives* iaitu bersifat berulang-ulang dan tidak mengalami perubahan.

Kata Kerja *Semelfactives* Bahasa Melayu

Berdasarkan kepada percanggahan dari ahli-ahli bahasa mengenai kata kerja *semelfactives*, kajian ini akan meneliti kata kerja *semelfactives* berdasarkan kepada ciri *semelfactives* iaitu lakuan bersifat berulang-ulang dan tidak mengalami perubahan bentuk. Berikut merupakan kata yang mempunyai ciri *semelfactives* :

1) Melompat
2) Berdering
3) Memalu
4) Menendang
5) Berdegup

Ujian Menentukan Kata Kerja *Semelfactives*

Dalam analisis ini, untuk melihat samaada *semelfactives* mempunyai tepat masa, analisis diuji dengan menggunakan selama sepuluh minit dan pada pukul sepuluh. Berikut adalah analisis yang telah dilakukan :

1) Loceng separuh masa kedua berdering.

(Sumber : Data majalah)

a) Loceng separuh masa kedua berdering pada pukul sepuluh.
b) Loceng separuh masa kedua berdering selama sepuluh minit.

2) Telefon itu terus berdering. Sebentar kemudian ia berhenti sendiri.

(Sumber : Data majalah)

a) Telefon itu terus berdering pada sepuluh minit. Sebentar kemudian ia berhenti sendiri.
b) Telefon itu terus berdering selama sepuluh minit. Sebentar kemudian ia berhenti sendiri.

3) Loceng sekolah berdering kuat dan nyaring.

(Sumber : Data majalah)

a) Loceng sekolah berdering kuat dan nyaring pada pukul sepuluh.

b) Loceng sekolah berdering kuat dan nyaring selama sepuluh minit.

4) Sebelum dia duduk kembali telefon itu berdering semula.

(Sumber : Data majalah)

a) Sebelum dia duduk kembali telefon itu berdering semula pada pukul sepuluh.
b) Sebelum dia duduk kembali telefon itu berdering semula selama sepuluh minit.

5) Senator Abdillah memalu gendang Melayu Sarawak sebagai simbolik perasmian seminar.

(Sumber: Melayu Sarawak bersiap ke alaf baru. Sastera & Budaya, 1999)

a) Senator Abdillah memalu gendang Melayu Sarawak pada pukul sepuluh sebagai simbolik perasmian seminar.
b) Senator Abdillah memalu gendang Melayu Sarawak selama sepuluh minit sebagai simbolik perasmian seminar.

6) Jantungnya berdegup cepat.

(Sumber : Data Buku)

a) Jantungnya berdegup cepat pada pukul sepuluh.
b) Jantungnya berdegup cepat selama sepuluh minit.

7) Pasangan itu mendakwa tiga remaja lelaki keluar daripada kenderaan itu dan menendang kereta Perodua Kancil miliknya.

(Sumber : Mutakhir, 1998)

a) Pasangan itu mendakwa tiga remaja lelaki keluar daripada kenderaan itu dan menendang kereta Perodua Kancil miliknya pada pukul sepuluh.
b) Pasangan itu mendakwa tiga remaja lelaki keluar daripada kenderaan itu dan menendang kereta Perodua Kancil miliknya selama sepuluh minit.

8) Dia segera melompat.

(Sumber:Majalah Agama, 2004)

a) Dia segera melompat pada pukul sepuluh.

b) Dia segera melompat selama sepuluh minit.

Berdasarkan kepada contoh yang diberi, dapat dilihat, kedua-dua jenis ayat tersebut boleh diterima penggunaanya. Namun yang membezakan kedua ayat ini ialah contoh 1(a), 2(a), 3(a), 4 (a), 5(a), 6(a), 7(a) dan 8(a) jelas menunjukkan kata kerja *semelfactives* manakala bagi bagi contoh 1(b), 2(b), 3(b), 4(b), 5(b), 6(b), 7(b) dan 8 (b) ianya menunjukkan kata kerja *semelfactives* tersebut seperti aktiviti. Ini bermakna dalam contoh 1(a), 2(a), 3(a), 4(a), 5(a), 6(a), 7(a) dan 8(a) agak jelas menunjukkan kata kerja tersebut berlaku *pada pukul sepuluh* dan berakhir sejurusnya berlaku, bagi contoh 1 (b), 2 (b), 3 (b), 4(b), 5(b), 6(b), 7 (b) dan 8 (b) ianya mempunyai masalah untuk menentukan kelas kata kerjanya kerana dalam ayat tersebut ia menunjukkan kata kerja *semelfactives* seolah-olah seperti kata kerja aktiviti iaitu membawa erti kata kerja tersebut berlanjutan. Dalam contoh 1(a) yang menunjukkan kata kerja berdering ianya menunjukkan bahawa loceng tersebut berdering tepat pada pukul sepuluh dan berakhir sejurusnya berlaku, ini bermakna ianya berdering sekali sahaja manakala ayat 1(b) ianya menunjukkan loceng tersebut berdering berulang-ulang kali selama sepuluh minit. Bagi kata kerja memalu pula, dalam contoh 5 (a) menunjukkan Senator tersebut telah memalu gendang tepat pada pukul sepuluh dan berakhir sejurus bermula, ini bermakna ianya memalu sekali sahaja manakala ayat 5(b) ianya menunjukkan gendang tersebut dipalu berulang-ulang kali selama sepuluh minit. Bagi kata kerja berdegup pula, dalam contoh 6(a) menunjukkan jantungnya berdegup cepat tepat pada pukul sepuluh dan berakhir berdegup dengan cepat sejurus ianya bermula, ini bermakna jantungnya hanya berdegup sekali dengan cepat hanya pada pukul sepuluh manakala dalam ayat 6(b) ianya menunjukkan jantungnya berdegup-degup cepat berulang kali selama sepuluh minit. Bagi kata kerja menendang pula, dalam contoh 7(a) menunjukkan tiga remaja tersebut menendang kereta Kancil tepat pada pukul sepuluh dan berakhir sejurus ianya bermula, ini bermakna remaja tersebut hanya menendang sekali sahaja manakala dalam contoh 7(b) menunjukkan kata kerja tendang tersebut berlaku berulang-ulang sebanyak sepuluh minit. Bagi kata kerja melompat dalam contoh 8 (b), peristiwa melompat itu menabirkan dia melompat selama sepuluh minit tanpa henti. Manakala peristiwa tunggal dapat dilihat dalam contoh 8(a) iaitu lakuan melompat menunjukkan peristiwa itu tidak berulang dan dia hanya melompat sekali sahaja iaitu tepat pada pukul sepuluh dan berakhir sejurus ianya bermula.

Berdasarkan kepada analisis data yang ditunjukkan dapat dijelaskan terdapat dua kategori dalam kata kerja ini iaitu *semelfactives* asli dan penggunaan *semelfactives* yang terdapat dalam aktiviti. Walaubagaimanapun, menurut Susan (2004), kata kerja *semelfactives* tidak begitu segera seperti pencapaian, hal ini kerana ianya mempunyai struktur penambahan. Struktur penambahan meliputi laluan untuk objek itu bergerak *(trajectories)*, misalnya dalam melompat, menendang, berdering, memalu dan berdegup ianya mempunyai laluan pergerakan iaitu pergerakan semasa bahagian itu berlaku. Berdering termasuk pergerakan loceng bergerak ke kiri dan ke kanan, memalu melibatkan pergerakan tangan sebelum memalu gendang dan selepas memalu gendang dan berdegup melibatkan pergerakan darah yang membolehkan jantung berdegup, melompat melibatkan pergerakan kaki ke atas dan ke bawah dan menendang melibatkan pergerakan kaki bergerak ke atas dan ke bawah untuk menendang sesuatu.

Namun menurut Susan (2004), *semelfactives* mempunyai sifat yang begitu sukar untuk dikategorikanya, hal ini kerana adverba pada **α** masa atau pada pukul sepuluh itu tidak begitu jelas untuk menonjolkan kata kerja *semelfactives* yang mempunyai peristiwa tunggal tersebut berlaku. *Semelfactives* juga boleh muncul dengan jeda masa apabila ianya boleh muncul dengan progresif. Berikut merupakan kata kerja yang boleh muncul dengan progresif dan boleh muncul gangguan atau ketidaksempurnaan *(imperfectives paradox)* dalam kata kerja tersebut :

9) Ketika melompat, gelombang besar melanda menyebabkan saya hampir terjatuh ke laut, tetapi sempat berpaut pada tepi bot nelayan itu.

(Sumber : *Simathari tidak sesal.* Nasional, 2005)

10) Tentera AS itu tidak memberi sebarang amaran ketika menendang pintu dan Haroon yang panik kerana menyangka rumah mereka dipecah masuk, bergegas mendapatkan pistol milik bapanya.

(Sumber : *Farah mangsa terbaru kekejaman askar Bush.* Global, 2003)

11) Mangsa yang mengharungi jalan yang dinaiki air sedalam 0.4 meter itu, dikatakan cuba melompat sebaik terkena arus elektrik tetapi tergelincir dan tersungkur sebelum meninggal dunia di tempat kejadian.

(Sumber :*3 korban banjir Pantai Timur(HL).*Nasional, 2005)

12) Munawar bertindak agresif dengan cuba menendang wakil media yang cuba mengambil gambarnya tetapi dapat dihalang anggota polis.

(Sumber : *Bomoh rogol pelajar kena 32 tahun, 16 sebatan.* Nasional, 2002)

Dalam contoh (9) dan (10) diatas, kata kerja melompat dan menendang boleh mempunyai ciri progresif iaitu seperti dalam contoh ayat (9) dan (10) perkataan progresif 'ketika'. Dengan adanya penggunaan adverba progresif iaitu ketika menunjukkan bahawa kata kerja ini tidaklah berlaku dengan segera. Kata kerja *semelfactives* juga boleh berlaku dalam keadaan yang mempunyai gangguan atau tidak sempurna *(imperfective paradox).* Contoh terdapat dalam contoh (11) dan (12). Dalam contoh (11) kata kerja tersebut tidak berlaku secara sempurna kerana mangsa telah jatuh sebelum menyempurnakan lompatanya. Begitu juga dengan contoh bagi menendang dalam ayat (12) menunjukkan pelaku yang ingin menyempurnakan tendangannya telah dihalang oleh polis.

Menurut Susan (2004) untuk menguji kata kerja *semelfactives* mempunyai titik penamat adalah dengan menggunakan ujian adverba dalam **α** masa. Oleh itu, dalam menentukan kata kerja *semelfactives* bahasa Melayu mempunyai titik penamat adalah dengan mengujinya dengan adverba dalam **α** masa. Berikut merupakan contoh kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu :

13) Johan melompat ke atas dalam masa tiga saat.

(Sumber : HANYUT. Sastera, 1979)

14) Telefon itu terus berdering dalam masa tiga saat. Sebentar kemudian ia berhenti sendiri.

(Sumber : Data majalah)

15) Senator Abdillah memalu gendang Melayu Sarawak dalam masa tiga saat sebagai simbolik perasmian seminar.

(Sumber: Melayu Sarawak bersiap ke alaf baru. Sastera & Budaya, 1999)

16) Jantungnya berdegup cepat dalam masa tiga saat.

(Sumber : Data Buku)

17) Seramai lapan anggota polis telah menendang pintu rumahnya dalam masa tiga saat untuk mencari penyokong reformasi lebih kurang jam 1 pagi.

(Sumber : Data Harakah)

Berdasarkan kepada contoh ayat (13), (14), (15), (16) dan (17) menunjukkan jelas bahawa kata kerja *semelfactives* mempunyai titik penamat. Bagi *modifier* dalam masa tiga saat dalam contoh (13), (14), (15), (16) dan (17) menunjukkan ia mempunyai titik penamat. Oleh itu dapat dibuktikan bahawa dengan adanya gangguan *(Imperfectives Paradox)* dan *modifier* dalam masa tiga saat itu menunjukkan bahawa *semelfactives* mempunyai titik penamat dan tidak tepat masa.

Kata kerja *semelfactives* tidak boleh menerima adverba kadar, hal ini dijelaskan dalam ujian Van Valin (2005), iaitu sesetengah *semelfactives tidak* boleh menerima adverba kadar contoh *The tree branch tapped slowly on the window once.* Namun dalam bahasa Melayu terdapat ayat yang boleh menerima adverba kadar tersebut berikut merupakan contohnya :

18) Dia melompat pantas keluar tatkala Mr. Robert mulai bangun.

(Sumber : BADAN BERTUAH. Sastera, 1971)

19) Selama satu jam, penonton dihidangkan persembahan yang pastinya membuat dada anda berdegup laju menerusi persembahan berasal dari Ukraine, Amerika Syarikat, Brazil dan China.

(Sumber : Long Khong contoh filem seram sebenar. Hiburan, 2006)

20) Jantung Boyong berdegup laju

(Sumber : NGAYAU. Sastera, 1979)

21) Faridah kemudian menendang pintu bilik itu dengan laju.

(Sumber : Mahfar Saksi. Nasional, 1999)

22) Telefon itu terus berdering.

(Sumber : Data majalah)

i) * Telefon itu berdering dengan lambat

Berdasarkan kepada contoh (18), didapati *semelfactives* boleh menerima ujian dengan adverba kadar iaitu perkataan pantas. Begitu juga dengan contoh (19), (20) dan (21) menunjukkan bahawa terdapat adverba kadar seperti laju. Oleh itu, berdasarkan contoh yang diberi jelas menunjukkan kata kerja berdegup, melompat dan menendang yang dikatakan *semelfactives* mempunyai lakuan dinamik dan ianya menunjukkan kata kerja tersebut tidak berlaku begitu segera. Namun contoh (22) tidak lulus dalam ujian ini kerana berdering merupakan lakuan yang tidak boleh dikawal atau dimodifikasikan.

Bagi ujian adverba dengan penuh semangat pula, hanya contoh (23), (25) dan (27) sahaja yang yang sesuai untuk menerima adverba dengan penuh semangat.

23) Johan melompat ke atas dengan penuh semangat

(Sumber : HANYUT. Sastera, 1979)

24)* Telefon itu terus berdering dengan penuh semangat. Sebentar kemudian ia berhenti sendiri.

(Sumber : Data majalah)

25) Senator Abdillah memalu gendang Melayu Sarawak dengan penuh semangat sebagai simbolik perasmian seminar.

(Sumber: Melayu Sarawak bersiap ke alaf baru. Sastera & Budaya, 1999)

26) * Jantungnya berdegup cepat dengan penuh semanagat

(Sumber : Data Buku)

27) Seramai lapan anggota polis telah menendang pintu rumahnya dengan penuh semangat untuk mencari penyokong reformasi lebih kurang jam 1 pagi.

(Sumber : Data Harakah)

Contoh (24) dan (26) tidak sesuai untuk menerima adverba ini. Jadi dalam bahasa Melayu hanya kata kerja *semelfactives* yang mempunyai pelaku sahaja yang dapat menunjukkan lakuan dinamik dengan penuh semangat.

Kata kerja *semelfactives* ini akan lebih mempunyai masalah kerana contoh dalam (28) dan (29) dan menunjukkan bahawa kata kerja melompat itu menunjukkan terdapat perubahan tempat. Contohnya adalah seperti berikut :

28) Seorang penduduk di Ampang yang terkejut apabila ikan talapia melompat keluar ketika sedang menadah air dari lori tangki yang dihantar ke kawasan itu.

(Sumber : Data Majalah)

a. Seorang penduduk di Ampang yang terkejut apabila ikan talapia cuba melompat keluar tetapi jatuh kembali kerana binaan kolam itu terlalu tinggi.

29) Westerveld menendang bola ke dalam kawasan lawan sebelum ia melantun sekali dan Zenden berada di hujungnya, melakukan rembatan leret kaki kanan yang melepasi jangkauan Lama.

(Sumber: Gol Zenden. Sukan, 2000)

a. Westerveld cuba menendang bola ke dalam kawasan lawan tetapi gagal kerana ditepis oleh lawan.

Dalam kata kerja (28), didapati terdapat perubahan tempat iaitu dari ikan talapia itu ada di dalam dan ikan talapia tersebut keluar. Terdapat perubahan tempat ikan tersebut. Berdasarkan kepada contoh diatas dapat dikatakan ayat dalam (28) adalah dikategorikan sebagai aktif penyempurnaan. Hal ini kerana, melompat yang mempunyai perubahan tempat adalah dikatakan sebagai aktif penyempurnaan. Ikan yang berada dalam tangki tersebut sudah beralih kepada suatu

tempat yang baru iaitu di luar tangki. Kata kerja ini tidak boleh dikatakan sebagai kata kerja pencapaian kerana kata kerja melompat dalam contoh ayat (28) boleh diganggu seperti dalam contoh ayat (28a). Begitu juga dengan kata kerja menendang, dalam contoh (29) terdapat perubahan kedudukan bola dari berada di kawasan pemain dan beralih ke kawasan lawan. Berdasarkan kepada perubahan bola tersebut dapat dikatakan bahawa kata kerja ini merupakan kata kerja aktif penyempurnaan. Kata kerja ini juga tidak boleh dikatakan sebagai kata kerja pencapaian kerana kata kerja menendang dalam contoh ayat (29) boleh diganggu seperti dalam contoh ayat (29 a).

Pengkategorian Kata Kerja *Semelfactives* Dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan kepada analisis yang diberi dapat dirumuskan bahawa kata kerja *semelfactives* begitu istimewa kerana ianya boleh menjadi kelas kata kerja aktif penyempurnaan apabila sesuatu kata kerja yang secara aslinya adalah kata kerja *semelfactives*. Contohnya bagi kata kerja melompat dan menendang, ianya akan menjadi aktif penyempurnaan apabila terdapat perubahan tempat. Contohnya dari A ke B. Untuk menyelesaikan masalah ini, dapat dikatakan apabila kata kerja yang terdapat perubahan tempat bolehlah dikatakan ianya sebagai aktif penyempurnaan seperti yang dikatakan oleh Van Valin (2005) iaitu kata kerja yang mempunyai [+titik penamat] [-tepat masa].

Begitu sukar untuk menentukan kata kerja melompat dan menendang. Oleh itu dapat dikatakan bahawa kata kerja melompat dan menendang boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu yang bersifat kata kerja *semelfactives,* kedua penggunaan kata kerja *semelfactives* dalam aktiviti dan yang ketiga boleh dikatakan sebagai kata kerja aktif penyempurnaan. Hal ini kerana, apabila berlaku perubahan tempat, fitur ini ditandai dengan [+ titik penamat].

Bagi kata kerja berdegup, memalu dan berdering ianya boleh dibahagikan kepada dua jenis *semelfactives* iaitu kata kerja *semelfactives* asli dan penggunaan kata kerja *semelfactives* dalam aktiviti. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa fitur bagi pengelasan *semelfactives* dalam bahasa Melayu adalah [+ titik penamat][- tepat masa], fitur bagi penggunaan *semelfactives* dalam aktiviti ialah [- titik penamat][- tepat masa]. Bagi penyelesaian kata kerja melompat dan menendang yang terdapat perubahan pula mempunyai fitur [+ titik penamat] [- tepat masa]. Fitur ini adalah sama dengan aktif penyempurnaan seperti yang dikatakan oleh Van Valin (2005). Berikut merupakan gambaran mengenai kata kerja *semelfactives* dalam bahasa Melayu :

	[±TITIK PENAMAT]	[±TEPAT MASA]
Semelfactives asli	+	-
Penggunaan *semelfactives* dalam aktiviti.	-	-
Semelfactives yang menjadi aktif penyempurnaan (Berlakunya perubahan tempat)	+	-

Rajah 2: Kata Kerja Menendang Dan Melompat

	[±TITIK PENAMAT]	[±TEPAT MASA]
Semelfactives asli	+	-
Penggunaan *semelfactives* dalam aktiviti.	-	-

Rajah 3: Kata Kerja Berdering, Memalu Dan Berdegup.

Kelas	**Hadir dengan adverba 'sedang'**	**Hadir adverba dengan 'penuh semangat'**	**Hadir adverba dengan adverba kadar**	**Hadir dengan frasa 'selama sejam'.**	**Hadir dengan frasa 'dalam masa sejam'**
Semelfactives	* Ya	* Tidak	* Tidak	Ya	Ya

Rajah 4: Hasil Daripada Ujian Kata Kerja *Semelfactives* Dalam Bahasa Melayu

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada huraian yang diberikan dapat dirumuskan bahawa, dalam bahasa Melayu, kata kerja *semelfactives* boleh dikatakan begitu rumit untuk diselesaikan. Oleh itu, hasil daripada gabungan teori yang digunakan oleh Van Valin (2005) iaitu *Role and Reference Grammmar* dan pendekatan yang digunakan oleh Susan (2004), penyelesaian bagi kata kerja *semelfactives* yang bermasalah dapat diselesaikan. Oleh itu dapat dikatakan bahawa kata kerja melompat dan menendang boleh terbahagi kepada tiga iaitu kata kerja *semelfactives* asli, penggunaan kata kerja *semelfactives* dalam aktiviti dan kata *semelfactives* yang boleh menjadi aktif penyempurnaan (perubahan tempat). Bagi kata kerja berdegup, memalu dan berdering ianya boleh dibahagikan kepada dua jenis *semelfactives* iaitu kata kerja *semelfactives* dan penggunaan kata kerja *semelfactives* dalam aktiviti.

RUJUKAN

Audra Philips. 2007. *Verb Classes in Thai*. Payap University and SIL International.

Byong-Seon Yang(1994) *Morphosyntactic Phenomena Of Korean In Role And Reference Grammar:Psych –Verb Construction, Inflectional Verb Morphemes, Complex Sentences And Relatives Clauses*, Unpublish Ph.D Thesis. New York:state University of New York At Buffalo.

Dowty, R. D 1979. *Word Meaning Ang Montague Grammar: The Semantic Of Verbs And Times In Generatives Semantis And In Montague's* PTQ. Holland D. Reidel Publishing Company

Susan Rothstein.2004. *Structuring Event: A Study in The Semantics Of Lexical*. United Kingdom.

Smith, Corlotta.1997. *The Parameter of Aspect (2nd edn)*.Dordrechi: Reidel

Maslida Yusof , Rogayah A. Razak & Zaharani Ahmad, 2008 *Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu: Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar,* Jurnal Bahasa 8 (2): 242-262.

Maslida Yusof , 2009 *Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role And Reference Grammar* (RRG). GEMA Online Journal Of Languages Studies Vol 7(1) 17-33

Jyh Wee Sew. 1999. *Kata Kerja : Mempelopori Suatu Penilaian Semantik Baru.* Jurnal Dewan Bahasa. Jun, 530 – 537.

Van Valin 1993. *Advances In Role And Reference Grammar,* Amsterdam: John Benjamins Publishing.

Van Valin & LaPolla.1997. *Syntax: Structure, Meaning And Function*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin, R.2001. *An Introduction To Syntax*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin,R.2005. *Exploring The Syntax-Semantics Interface*. Cambridge: Cambridge University Press.

Vendler, Z.1967. *Linguistics in Philosophy*. New York: Cornell University Press.